



Received: 2021-07-21

Accepted: 2022-06-29

Published: 2022-06-30

Original Article

Persepsi Masyarakat Non Muslim Terhadap Prinsip Asas Islam

Perception of Non -Muslim Communities on the Basic Principles of Islam

Khairul Azhar Meerangani^{a*}, Muhammad Hilmi Mat Johar^b & Mohammad Fahmi Abdul Hamid^c

^{a,c} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

^b Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka

* Corresponding author, e-mel: azharmeerangani@uitm.edu.my

ABSTRACT

Building an understanding of the background of cultural and religious diversity in Malaysia is a key thrust in driving harmonious social relations. The nature of mutual understanding that exists in individuals has the potential to create a society that respects and tolerates each other. This foundation of understanding is important in clearing all the confusion and negative perceptions that have enveloped the interaction of the plural society in Malaysia. Thus, this study aims to identify the level of understanding and knowledge of non-Muslims in Melaka on the basic principles of Islam. The study was conducted quantitatively using a survey design. The set of questionnaires was distributed online (google form) to 315 respondents in Melaka, and then analyzed through SPSS software. The findings of the study concluded that the majority of respondents have basic knowledge related to Islam, namely the position of God as god ($m = 4.31$), the role of the Prophet Muhammad ($m = 3.82$) and the Quran as a source of reference ($m = 3.89$). However, some perceptions are still seen in the non -Muslim community, namely Islam is the exclusive religion of the Malays ($m = 3.62$), Islam is the traditional religion of the Arab community ($m = 2.85$), is discriminating against women ($m = 2.42$), not open with other believers ($m = 2.38$), as well as too many restrictions and prohibitions ($m = 3.81$). Ultimately, in order to realize the desire to build a concrete foundation of understanding, the commitment of all parties is billed through joint efforts to lead the process of introduction and sharing of basic information on their respective cultural, racial and religious backgrounds. This process is expected to be able to unravel all the propaganda that has often been raised over the years, because human beings are basically only potentially hostile and prejudiced on things that are beyond the limits of their knowledge and understanding.

Keywords: Understanding; Plurality; Non Muslim; Islam; Tolerance

Pengenalan

Kewujudan manusia berlatarkan agama dan budaya yang pelbagai merupakan salah satu daripada program unik ciptaan Allah. Matlamat utama daripada penciptaan ini selain mewujudkan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada Allah, juga membolehkan mereka saling mengenali, memahami dan mengambil manfaat yang terbit daripada perbezaan tersebut. Manusia secara fitrahnya memerlukan kepada interaksi dengan persekitaran sebagai suatu bentuk kehidupan manusia itu sendiri. Keserasian fitrah ini wujud kerana manusia sebenarnya berasal daripada unsur yang sama sebelum berlakunya pemisahan dalam aspek geografi, politik, kaum dan agama.¹ Pemisahan ini pula memandu kepada kepelbagaian interaksi yang dilihat mewarnai lagi hubungan yang terbina sesama manusia. Di Malaysia, kemajmukan masyarakat yang wujud menyaksikan interaksi itu berlaku secara lebih meluas merentasi sempadan kaum dan agama. Maka, pengurusan interaksi secara berkesan merupakan antara elemen yang perlu diberikan perhatian yang rapi bagi memastikan hubungan yang terjalin itu menatijahkan perpaduan dan keharmonian dan bukannya perpecahan serta permusuhan.² Islam telah menyediakan beberapa asas panduan bersifat universal yang dirasakan penting dalam memandu hubungan dan interaksi yang berlaku sesama penganut berlainan agama. Nilai-nilai yang dinyatakan ini penting dalam membina hubungan persaudaraan sesama manusia (*al-Ukuwwah al-Insāniyyah*) bagi memastikan kelangsungan hidup mereka di dunia ini sebagai umat dan masyarakat yang bertamadun.³

Islam telah menekankan kepentingan memelihara dan menghormati hubungan sesama manusia bagi membina kestabilan dan keharmonian dalam sesebuah negara melangkaui perbezaan tradisi, agama dan ideologi. Secara asasnya, pembentukan hubungan sesama manusia ini didasarkan kepada dua elemen utama iaitu secara teologis (keagamaan) dan sosiologis (kemanusiaan). Hubungan secara teologis ini bersifat eksklusif yang hanya membabitkan penganut intra-agama manakala hubungan secara sosiologis pula bersifat inklusif yang lebih terbuka membabitkan semua lapisan manusia merentasi perbezaan agama dan bangsa.⁴ Rasulullah SAW pernah bangun berdiri memberikan penghormatan kepada satu jenazah Yahudi yang dibawa melintas di hadapan Baginda. Meskipun sedia maklum betapa buruknya permusuhan yang telah dipamerkan oleh bangsa Yahudi terhadap Rasulullah SAW dan umat Islam, namun sewaktu dimaklumkan tentang status jenazah tersebut, Baginda tidak mempamerkan sebarang rasa penyesalan sebaliknya mempertahankan tindakannya atas dasar penghormatan terhadap sesama insan.⁵ Dalam konteks semasa di Malaysia, interaksi yang berlaku dalam kalangan masyarakat tidak terhad kepada hubungan sesama Muslim sahaja bahkan turut membabitkan hubungan kekerabatan dan persahabatan antara Muslim dan non Muslim. Maka, sudah pasti interaksi ini memerlukan kepada asas pemahaman yang kukuh dan jitu sebagai teras yang memacu keharmonian dan kerukunan masyarakat majmuk di Malaysia.

¹ Khairul Azhar Meerangani, "Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial dengan Non Muslim di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam", (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016), 232.

² Nur Farhana Abdul Rahman, "Pemahaman Konsep Tauhid Asas Keharmonian Kepelbagaian Agama" *International Journal of Islamic Thought*, 1 (2012), 36.

³ Ismā'īl bin Kathīr, *Tafsir al-Qur'an al-Āzīm* (Riyāḍ: Dār al-Tayyibah, 1997), 5:97.

⁴ Aunur Rafiq, "Perdamaian Menurut Perspektif al-Quran: Analisis Tentang Hubungannya dengan Piagam Madinah", (Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009), 173.

⁵ Rāghib al-Sirjānī, *Fann al-Ta'āmul al-Nabawī Ma'a Ghayr al-Muslimīn*, (Qahirah: Dār Aqlam, 2010), 70.

Realiti Sosial Masyarakat Majmuk di Malaysia

Kemerosotan ekonomi pasca ancaman COVID-19, ditambah kemelut politik nasional yang tercetus penghujung Februari 2020, dilihat telah merancakkan kembali suhu politik tanah air. Platform media sosial popular seperti Facebook dan Twitter telah dijadikan medium perdebatan dan provokasi berkaitan isu-isu semasa, terutamanya berkaitan kaum dan agama. Pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) melaporkan sebanyak 266 kertas siasatan telah dibuka dalam tempoh 6 bulan pertama tahun 2020, antaranya melibatkan kesalahan menghasut dan penyebaran berita palsu atau berunsur hasutan. Daripada jumlah ini, sebanyak 172 kes masih dalam siasatan, manakala 30 kes telah didakwa di mahkamah, 12 lagi diberikan notis amaran, 13 dalam proses perbicaraan dan 17 telah mengaku bersalah⁶. Menurut Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, angka ini mencatatkan peningkatan drastik jika dibandingkan dengan tiga tahun sebelumnya, iaitu 78 kes (2019), 31 kes (2018) dan 9 kes (2017). Kes-kes ini ternyata menimbulkan keresahan dan ketidakteraman dalam kalangan masyarakat awam, terutamanya apabila melibatkan isu-isu sensitif seperti institusi diraja, kaum, agama, kedudukan dan keistimewaan hak yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan.

Kebebasan bersuara yang diberikan pasca PRU-14 memperlihatkan tahap kesedaran dan penyertaan politik yang semakin tinggi dalam kalangan masyarakat awam. Segala dasar dan polisi yang direncanakan oleh pihak kerajaan begitu galak dibincangkan di pelbagai lapangan termasuk di media sosial. Dalam satu aspek, hal ini merupakan petanda kecaknaan rakyat kepada tindakan dan aktiviti kerajaan agar tidak terkeluar dari landasan kepimpinan dan urus tadbir yang baik. Namun begitu, kelemahan pihak kerajaan dalam menangani sebahagian isu secara efektif atau sekurang-kurangnya membentulkan persepsi yang berlegar dalam kalangan masyarakat dilihat telah memberikan ruang buat memancing emosi yang negatif daripada masyarakat menggunakan modal kaum dan agama. Sikap yang ekstrem dan pendekatan provokatif dalam berhadapan dengan isu-isu tersebut telah menjadi ancaman kepada keutuhan hubungan antara agama dan kaum dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini disebabkan bagi masyarakat Melayu, persoalan adat, budaya, bahasa, institusi beraja dan agama Islam merupakan unsur yang sensitif kerana ia melibatkan maruah dan kedaulatan bangsa (Mansor, 2010).⁷

Berdasarkan statistik penganut agama di Malaysia pada tahun 2010, tiga daripada empat agama utama di Malaysia memperlihatkan dominasi kaum tertentu melebihi 90% iaitu agama Islam (Melayu: 90.1%), agama Buddha (Cina: 97.8% dan agama Hindu (India: 98.7%). Agama Kristian pula lebih menonjol di Sabah dan Sarawak dengan memperlihatkan dominasi kaum Bumiputera Lain seperti Iban dan Kadazan-Dusun menyumbang kepada 64.7% daripada jumlah penganut Kristian di Malaysia. Maka, tidak hairanlah isu-isu membabitkan kaum dan agama mudah dimanipulasi dan disemarakkan oleh pihak-pihak tertentu dalam menjayakan agenda mereka tanpa mengambil kira risiko konflik dan ketegangan yang boleh tercetus. Di Malaysia, tahap ketegangan antara kaum dan agama akan diukur menerusi Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM). IKM merupakan suatu indikator yang digunakan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk melihat tahap ketegangan masyarakat di Malaysia yang

⁶ Amir Abd Hamid. "Berita Palsu: 266 Kertas Siasatan Dibuka". *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/599065/berita-palsu-266-kertas-siasatan-dibuka>, dicapai pada 17 September 2020.

⁷ Mansor Mohd. Noor, "Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara". *DEMOKRASI* 9/2 (2010), 191.

dimanifestasikan melalui tindakan-tindakan yang dicetuskan atau tercetus melalui keganasan, rusuhan, demonstrasi, protes, serangan, pergaduhan dan isu-isu yang dilaporkan di media sosial dan media massa yang boleh menggugat perpaduan (PERPADUAN, 2020).

Malaysia sebenarnya mampu berbangga kerana berjaya menyatukan pelbagai bangsa dan agama untuk sama-sama bernaung dalam satu negara. Namun, harus disedari bahawa suasana harmoni ini adalah bersifat relatif di mana keadaan ini boleh berubah pada bila-bila masa sahaja mengikut peredaran masa dan keadaan masyarakat. Tragedi 13 Mei 1969 telah menyedarkan pelbagai pihak kepentingan mewujudkan masyarakat Malaysia yang mampu hidup secara harmoni meskipun dilatari perbezaan bangsa dan agama. Pengurusan kepelbagaian etnik dan agama yang wujud di Malaysia ini memerlukan kepada komitmen semua pihak dalam mewujudkan nilai bertolak-ansur, saling memahami dan menghormati antara satu sama lain, semangat setia kawan serta saling bantu-membantu tanpa mengira keadaan susah atau senang. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan sama ada secara langsung mahupun bersifat sampingan bagi memastikan keharmonian antara pengikut agama di Malaysia kekal terpelihara. Hal ini kerana perpaduan dan keharmonian antara masyarakat berbeza agama dan bangsa memainkan peranan yang penting dalam menjamin kestabilan dan keutuhan pentadbiran sesebuah negara. Namun begitu, setiap daripada usaha ini tidak akan berjaya tanpa komitmen dan kesungguhan daripada setiap masyarakat itu sendiri untuk sama-sama terlibat dalam merealisasikan hasrat pihak kerajaan bagi mewujudkan rakyat yang saling bertoleransi dan bersatu-padu.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan secara kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan. Set borang soal selidik diserahkan kepada responden terpilih untuk memperoleh data yang diperlukan dalam kajian. Instrumen soal selidik yang dibina terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A mengenai demografi responden, bahagian B mengenai kefahaman berkaitan konsep kepimpinan non Muslim dan bahagian C mengenai penerimaan masyarakat Muslim terhadap konsep kepimpinan Muslim. Borang soal selidik ini menggunakan Skala Likert yang terbahagi kepada skala lima mata (five-point scale) iaitu 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Tidak Pasti), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Sampel kajian dipilih dalam kalangan masyarakat non Muslim di Melaka. Berdasarkan jadual Krejci dan Morgan (1970), saiz sampel yang dipilih ialah seramai 315 orang. Pemilihan sampel kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) di mana sampel terdiri daripada sampel yang khusus dan spesifik serta bertepatan dengan objektif kajian. Maklumat profil responden diperoleh daripada maklum balas yang terdapat dalam borang soal selidik yang telah diedarkan kepada semua responden melalui *google form*. Proses pemerihalan tertumpu kepada faktor demografi responden iaitu jantina, umur dan tempoh masa melayari internet.

Bagi menguji kesahihan dan kebolehpercayaan item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis telah dijalankan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sejauh mana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden kajian, terutamanya melibatkan penggunaan istilah dan struktur ayat. Responden bagi kajian rintis ini dipilih secara rawak mudah terdiri daripada 40 orang masyarakat non Muslim di Melaka. Dapatkan kajian rintis adalah seperti berikut:

Jadual 1: Analisis Kebolehpercayaan Item

Cronbach's Alpha	N of Items
.793	25

Berdasarkan Jadual 1 di atas, Cronbach's Alpha untuk kesemua item ialah .793 dengan 25 item diukur dan dianggap sederhana. Menurut Sproles dan Kendall (1986), Cronbach's Alpha adalah ukuran konsistensi dalaman, iaitu sejauh mana berkaitan dengan satu set item sebagai satu kumpulan. Ia dianggap sebagai ukuran kebolehpercayaan skala dalam faktor di mana koefisien Alpha Cronbach's pada 0.4 atau lebih tinggi dianggap boleh diterima. Oleh itu, kita dapat membuat kesimpulan bahawa Cronbach's Alpha untuk semua pemboleh ubah dalam kajian ini dianggap boleh diterima.

Bagi penentuan tahap skor min, kajian ini merujuk kepada penentuan tahap daripada Davis (1971) untuk mengkelaskan tahap-tahap skor min yang diperoleh. Davis (1971) menggunakan skala lima mata dalam menentukan tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi untuk mentafsir skor min. Justeru, nilai interpretasi skor min kajian ini adalah seperti berikut:

Jadual 2: Nilai Interpretasi Skor Min

Tahap	Nilai Skor
Tinggi	3.68 – 5.00
Sederhana	2.34 – 3.67
Rendah	1.00 – 2.33

Sumber: Hasil Analisis

Setelah data dapatan soal-selidik dikumpulkan dan dikey-in dalam SPSS, ia seterusnya telah dianalisis secara deskriptif bagi mengenalpasti tahap kefahaman dan penerimaan masyarakat Muslim terhadap konsep kepimpinan non Muslim di Malaysia. Analisis dilakukan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) for Windows* version 22.0.

Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, analisis terhadap dapatan yang diperoleh telah dilakukan seperti berikut:

- a) Analisis Demografi Responden

Profil responden dibentuk untuk melihat ciri-ciri responden dalam kajian ini serta mengenal pasti dan memberi maklumat mengenai latar belakang responden. Profil responden berdasarkan soal selidik yang diperoleh seperti berikut:

Jadual 3: Analisis Demografi Responden

Jenis Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	147	46.7
Perempuan	168	53.3

Umur		
15 hingga 25 tahun	118	37.5
25 hingga 35 tahun	63	20.0
35 hingga 45 tahun	51	16.2
45 tahun ke atas	83	26.3
Bangsa		
Cina	85	27.0
India	79	25.1
Peribumi Sabah	63	20.0
Peribumi Sarawak	48	15.2
Orang Asal	16	5.1
Lain-lain	24	7.6
Agama		
Kristian	138	43.8
Buddha	92	29.2
Hindu	59	18.7
Lain-lain	26	8.3
Status Perkahwinan		
Bujang	149	47.3
Berkahwin	166	52.7
Tempat Tinggal		
Bandar	207	65.7
Luar Bandar	108	34.3
Kerjaya		
Pelajar	124	39.4
Sektor Kerajaan	85	26.9
Sektor Swasta	47	14.9
Bekerja Sendiri	33	10.5
Tidak Bekerja	26	8.3
Pendidikan		
SPM/STPM/Sijil/Diploma	149	47.3
Sarjana Muda	113	35.9
Sarjana/PhD	40	12.7
Lain-lain	13	4.1
Mempunyai Kenalan Muslim		
Ya	269	85.4
Tidak	46	14.6
Bentuk Hubungan		
Rakan Sekerja	49	14.2
Ahli Keluarga	54	15.7
Jiran Setempat	90	26.1
Institusi Pengajian	103	29.9
Sahabat Rapat	45	12.9
Pelanggan	4	1.2
Mengetahui Asas Islam		
Ya	246	78.1
Tidak	69	21.9

Sumber Pengetahuan		
Carian Internet	89	18.0
Buku/Akhbar/Majalah	56	11.3
Media Sosial	121	24.5
Ceramah Umum	28	5.7
Ahli Keluarga Muslim	36	7.3
Jiran/Kenalan	93	18.8
Program Pengajian	71	14.4

Sumber: Hasil Analisis

Jadual 3 menunjukkan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Daripada analisis demografi, data menunjukkan responden yang terdiri daripada lelaki adalah sebanyak 147 orang (46.7%) manakala perempuan sebanyak 168 orang (53.3%). Ini menunjukkan komposisi responden yang hampir seimbang melibatkan jantina lelaki dan perempuan. Dari aspek umur, kajian ini melibatkan pelbagai peringkat umur yang telah dibahagikan kepada 4 kategori umur iaitu 15 hingga 25 tahun, 25 hingga 35 tahun, 35 hingga 45 tahun dan 45 tahun ke atas. Majoriti responden berada pada kategori umur 15 hingga 25 tahun iaitu 118 orang (37.5%), diikuti responden yang berumur 45 tahun ke atas sebanyak 83 orang (26.3%), 25 hingga 35 tahun sebanyak 63 orang (20.0%) dan yang terakhir 35 hingga 45 tahun sebanyak 51 orang (16.2%). Bagi komposisi kaum pula, responden berbangsa Cina mendominasi iaitu seramai 85 orang (27.0%), India seramai 79 orang (25.1%), Peribumi Sabah dan Sarawak masing-masing seramai 63 orang (20.0%) dan 48 orang (15.2%), Orang Asal 16 orang (5.1%), serta lain-lain kaum seramai 24 orang (7.6%).

Aspek agama pula menunjukkan penyertaan paling tinggi bagi responden beragama Kristian iaitu seramai 138 orang (43.8%), Buddha seramai 92 orang (29.2%), Hindu seramai 59 orang (18.7%) dan lain-lain agama seramai 26 orang (8.3%). Bagi kategori status perkahwinan, responden yang terdiri daripada mereka yang bujang adalah sebanyak 149 orang (47.3%) dan berkahwin sebanyak 166 orang (52.7%). Bagi kategori tempat tinggal, responden yang tinggal di bandar sebanyak 207 orang (65.7%) dan luar bandar sebanyak 108 orang (34.3%). Bagi kategori kerjaya pula, responden yang terdiri daripada pelajar sebanyak 124 orang (39.4%), pekerja di sektor kerajaan sebanyak 85 orang (26.9%), pekerja di sektor swasta sebanyak 47 orang (14.9%), bekerja sendiri sebanyak 33 orang (10.5%) dan tidak bekerja sebanyak 26 orang (8.3%). Bagi kategori pendidikan pula, responden yang berkelulusan SPM/STPM/Sijil/Diploma adalah sebanyak 149 orang (47.3%), Sarjana Muda sebanyak 113 orang (35.9%), Sarjana/PhD sebanyak 40 orang (12.7%) dan lain-lain sebanyak 13 orang (4.1%).

Selain itu, analisis turut dijalankan bagi mengenalpasti dua kriteria utama kajian iaitu interaksi dengan masyarakat Muslim serta pengetahuan asas berkaitan Islam. Seramai 269 responden (85.4%) mengakui mempunyai kenalan dalam kalangan masyarakat Muslim berbanding 46 orang (14.6%) yang menyatakan tiada kenalan. Hubungan sebagai kenalan di institusi pengajian (sekolah/IPT) mencatatkan dapatan tertinggi iaitu seramai 103 orang (29.9%), diikuti jiran setempat seramai 90 orang (26.1%), ahli keluarga yang memeluk Islam 54 orang (15.7%), rakan sekerja 49 orang (14.2%), sahabat rapat 45 orang (12.9%) dan terakhir pelanggan perniagaan 4 orang (1.2%). Berkaitan pengetahuan asas berkaitan Islam, seramai 246 responden (78.1%) menyatakan mereka mempunyai asas pengalaman berkaitan ajaran Islam berbanding 69 orang (21.9%) yang tiada pengetahuan asas berkaitan Islam. Bagi sumber pengetahuan asas tersebut pula, platform media sosial mencatatkan pilihan tertinggi menerusi 121 responden (24.5%), diikuti jiran/kenalan 93 responden (18.8%), carian internet 89 orang (18.0%), program

pengajian 71 orang (14.4%), buku/akbar/majalah 56 orang (11.3%), ahli keluarga beragama Islam 36 orang (7.3%) dan terakhir ceramah umum 28 orang (5.7%).

b) Analisis Deskriptif

Bahagian ini memfokuskan maklumat berkaitan kefahaman dan persepsi responden terhadap prinsip asas Islam. Rumusan daptan berdasarkan soal selidik yang diperoleh seperti berikut:

ITEM	SOALAN	MIN	TAHAP
1	Pengetahuan asas tentang agama lain bermanfaat buat saya	3.74	Tinggi
2	Saya berminat mengetahui sesuatu tentang ajaran Islam	2.93	Sederhana
3	Agama Islam merupakan agama ekslusif bagi orang Melayu	3.62	Sederhana
4	Islam merupakan agama warisan tradisi masyarakat Arab	2.85	Sederhana
5	Allah merupakan nama tuhan yang disembah oleh orang Islam	4.31	Tinggi
6	Nabi Muhammad merupakan utusan tuhan kepada umat Islam	3.82	Tinggi
7	Al-Quran merupakan panduan dan sumber rujukan utama dalam Islam	3.89	Tinggi
8	Orang Islam menyembah kaabah yang berada di Mekah	2.24	Rendah
9	Orang Islam perlu menunaikan haji untuk menghadap tuhan yang berada di Mekah	2.81	Sederhana
10	Peraturan menutup aurat merupakan diskriminasi terhadap hak dan kebebasan wanita	2.97	Sederhana
11	Saya menilai Islam berdasarkan cara hidup orang Melayu	3.05	Sederhana
12	Ajaran Islam bersifat kolot dan tidak mengikut peredaran zaman	1.63	Rendah
13	Ajaran Islam tidak sesuai dipraktikkan dalam dunia moden hari ini	2.07	Rendah
14	Islam banyak mengongkong hak dan kebebasan asasi manusia	1.85	Rendah
15	Agama Islam tidak sesuai untuk lain-lain bangsa selain Melayu	2.33	Rendah
16	Ajaran Islam bersifat pilih kasih dan lebih banyak mendiskriminasikan golongan wanita	2.42	Sederhana
17	Ajaran Islam bersifat universal dan sesuai untuk semua bangsa	3.12	Sederhana
18	Islam tidak bersifat terbuka dengan penganut agama lain	2.38	Sederhana
19	Islam meraikan kepelbagaiannya etnik, budaya dan masyarakat	3.09	Sederhana
20	Terlalu banyak peraturan dan sekatan yang ditetapkan dalam Islam	3.81	Tinggi
21	Islam menganjurkan kebaikan dan kebajikan sesama manusia	3.78	Tinggi
22	Islam menghormati hak dan kebebasan beragama	3.65	Sederhana

	penganut lain		
23	Agama Islam mempunyai kedudukan yang istimewa di Malaysia	4.21	Tinggi
24	Islam agama yang menyeru kepada perdamaian dan perpaduan	3.47	Sederhana
25	Saya menghormati dan memahami amalan keagamaan orang Islam	3.92	Tinggi

Jadual 4: Kefahaman dan Persepsi Masyarakat Non Muslim Terhadap Prinsip Asas Islam

Pada bahagian ini hanya item 1, 5, 6, 7, 20, 21, 23 dan 25 sahaja berada pada tahap tinggi. Item yang berada pada tahap rendah pula adalah 8, 12, 13, 14 dan 15. Item selebihnya berada pada tahap sederhana. Jadual 4 turut menunjukkan 2 soalan yang berada pada tahap tertinggi mengikut interpretasi min Davis (1971) iaitu bagi item 5 ‘Allah merupakan nama tuhan yang disembah oleh orang Islam’ dengan skor min ($m=4.31$) dan soalan bagi item ke 23 iaitu ‘Agama Islam mempunyai kedudukan yang istimewa di Malaysia’ dengan skor min ($m=4.21$).

c) Analisis dan Perbincangan

Kepelbagaian (*plurality*) merupakan aturan (*sunnatullah*) yang perlu ditangani dan diuruskan secara berhikmah supaya ia menjadi pemangkin kepada kerukunan dan keharmonian hidup bermasyarakat. Islam mementingkan pendekatan harmoni bagi mengimbangi kewujudan dua kelompok yang bertentangan, iaitu kelompok fundamentalis dan literalis yang terlalu sempit serta kelompok liberalis yang terlalu longgar. Pendekatan yang dilakukan oleh kedua-dua kelompok ini boleh memberikan implikasi negatif terhadap hubungan sosial antara masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Kelompok fundamentalis dan literalis dengan ideologi sempit yang melihat segala yang berlaku menerusi perspektif sempit perkauman dan keagamaan semata-mata tanpa cuba memperhalusi punca kepada setiap permasalahan tersebut.⁸ Kelompok liberalis pula terlalu rapuh dengan melihat jalan keluar kepada setiap isu dan permasalahan adalah dengan menggadaikan prinsip sehingga dilihat terlalu bersifat apologetik dan toleransi di luar batasan. Justeru, satu pendekatan harmonis perlu diusahakan bagi membina masyarakat majmuk yang bersatu padu dan saling bertolak ansur.

Pembinaan persefahaman berkaitan kemajmukan latar budaya dan agama dilihat penting dalam menghasilkan asas hubungan yang lebih harmoni dan bertoleransi. Sifat saling memahami yang wujud dalam setiap diri individu bakal mewujudkan masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain. Bagi merealisasikan hasrat membina asas kefahaman yang baik ini, komitmen daripada semua pihak untuk memulakan langkah saling berkenalan dan berkongsi maklumat dan pengetahuan berhubung latar belakang kaum dan bangsa sendiri perlu digerakkan. Kepelbagaian yang wujud bukanlah sebagai modal menyuburkan perpecahan dan permusuhan, sebaliknya sebagai satu bentuk penyaluran ruang bagi membina interaksi yang harmoni. Inisiatif sewajarnya perlu diusahakan oleh pihak-pihak berkepentingan menerusi proses pertukaran maklumat asas sesuatu kaum dan agama. Ini bagi membina teras kefahaman yang baik dan seterusnya mewujudkan hubungan yang lebih erat dan bersatu-padu, bebas daripada bayangan prasangka dan persepsi negatif tidak berasas yang boleh merencatkan pembinaan hubungan tersebut.

⁸ Mohd Anuar Ramli et.al, (2018).” Isu-Isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan”, dalam Mohd Roslan Mohd Noor (eds.), *Penyelidikan Serantau Islam Dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*, (Kuala Lumpur: APIUM, 2018), 34.

Kefahaman ini boleh dibina sama ada dengan meminimumkan sindrom *kosmopolitanisme* menerusi pergaulan yang mesra dan baik sesama penganut berlainan agama mahupun menerusi kaedah berdialog.⁹ Namun begitu, pelaksanaan proses dialog ini perlu diatur berpandukan kaedah-kaedah tertentu bagi memastikan hasrat murni semua pihak mampu diterjemahkan secara berkesan. Al-Ghazali telah menggariskan beberapa panduan yang dirasakan sesuai dalam menganjurkan dialog yang berkesan iaitu:

- i. Setiap individu yang terlibat mempunyai objektif yang sama, iaitu bagi mencari kebenaran dan mencapai kesepakatan serta bukannya bertujuan memperlekehkan dan melakukan provokasi terhadap mana-mana pihak.
- ii. Tiada halangan dan ancaman kepada mana-mana pihak dalam menyampaikan hujah mahupun mengemukakan sebarang kemosykilan yang mempunyai kaitan dengan isu-isu yang dibincangkan.
- iii. Perlu melibatkan individu yang sememangnya berkelayakan dan diiktiraf dalam bidang tersebut bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan fakta dan penyebaran maklumat yang salah yang boleh menimbulkan masalah yang lebih besar sama ada semasa mahupun selepas dialog tersebut.¹⁰

Proses penyuburan kefahaman ini penting bagi membolehkan mereka merungkaikan kekeliruan berkaitan doktrin sesebuah agama serta perlakuan para penganutnya. Ini supaya tidak timbul kecenderungan menyalahkan mana-mana agama sebagai tindak balas atas pemerhatian yang silap berhubung reaksi penganut agama tersebut. Pengaruh yang kuat antara agama dan etnisiti di Malaysia menyaksikan budaya dan pengamalan sesuatu kaum itu yang bersifat negatif sering disandarkan dengan ajaran agama yang mendominasi kaum tersebut.¹¹ Sebagai contoh, kekeliruan masyarakat Cina yang sering menilai pengamalan dan akhlak masyarakat Melayu sebagai cerminan agama Islam sehingga mereka yang memeluk Islam dikatakan sebagai ‘masuk Melayu’. Maka, proses perkenalan ini akan merungkaikan segala propaganda tersebut kerana manusia secara asasnya hanya berpotensi memusuhi dan berprasangka pada perkara yang berada di luar batasan pengetahuan dan pemahamannya.

Penyekatan yang dikenakan ke atas setiap pihak dalam membincangkan perkara yang dianggap menyentuh sensitiviti dan kesucian sesebuah agama mungkin dilihat sebagai satu langkah selamat yang bersifat sementara, namun langkah tersebut dilihat hanya menyuburkan perasaan prejudis dan prasangka buruk terhadap agama lain secara terpendam diibaratkan seperti bom jangka yang hanya menunggu masa untuk diletuskan. Maka, pendekatan pengawalan dan pengawasan sebenarnya dilihat lebih relevan untuk dilaksanakan berbanding penyekatan secara menyeluruh berdasarkan kepada perkembangan pengaruh teknologi masa kini yang telah meluaskan lagi jaringan komunikasi sesama masyarakat. Prinsip-prinsip ini jika difahami dan diaplikasikan dengan baik nescaya mampu mewujudkan sekumpulan masyarakat yang mampu menerima dan meraikan kepelbagaiannya yang wujud sesama mereka tanpa menjaskan kerukunan dan keharmonian yang dimiliki.

⁹ Sindrom kosmopolitanisme merujuk kepada sekumpulan masyarakat berbeza agama, kaum dan budaya yang tinggal berhampiran antara satu sama lain tetapi memaparkan tahap interaksi yang minimum sesama mereka. Lihat Mohd Anuar Ramli, “Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan Malaysia”. (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003), 127.

¹⁰ Muhammad Abi Hamid al-Ghazali, “Al-Iqtisad fi al-I’tiqad”, (Beirut: Dar Qutaybah, 2003), 87-88.

¹¹ Mohd Roslan Mohd Nor, “Religious Tolerance in Malaysia: An Overview”, *Middle-East Journal of Scientific Research*, 9/1 (2011): 25.

Kesimpulan

Secara realitinya, manusia diciptakan bagi menempuh persekitaran yang berbeza. Perbezaan dari sudut politik, geografi, ekonomi, kebudayaan mahupun keagamaan memerlukan kepada nilai tolak ansur dan toleransi yang tinggi. Kepelbagaiannya bukanlah suatu tikit pendominasian terhadap agama dan kaum lain, sebaliknya berperanan sebagai satu proses membina toleransi dan pergaularan yang baik. Islam tidak menerima konsep kebebasan agama kerana setiap agama mempunyai doktrinnya tersendiri yang perlu diikuti dan dipatuhi setiap penganutnya. Sebaliknya, Islam mengakui konsep kebebasan beragama yang mana pengamalan mana-mana agama diharuskan atas dasar saling menghormati dan meraikan perbezaan yang wujud. Syaratnya, tiadanya unsur pelanggaran dan peremehan terhadap doktrin mana-mana agama lain dilakukan secara terbuka tanpa sebarang pengawasan. Kefahaman yang jelas tentang asas ini akan melahirkan semangat toleransi yang jitu antara penganut pelbagai agama dan seterusnya membawa kepada proses perpaduan yang baik.

Penghargaan

Makalah ini ialah satu daripada hasil penyelidikan bagi Geran Penyelidikan Tanpa Dana KUIM di bawah projek bertajuk, ‘Persepsi Masyarakat Non Muslim Terhadap Amalan Beragama Masyarakat Muslim (GPTD/20/F1/20)’.

Rujukan

- Amir Abd Hamid. “Berita Palsu: 266 Kertas Siasatan Dibuka”. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/599065/berita-palsu-266-kertas-siasatan-dibuka>, dicapai pada 17 September 2020.
- Aunur Rafiq, “Perdamaian Menurut Perspektif al-Quran: Analisis Tentang Hubungannya dengan Piagam Madinah”, (Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009).
- Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr, *Tafsir al-Qur'an al-Āzīm* (Riyāḍ: Dār al-Ṭayyibah, 1997), 5:97.
- Khairul Azhar Meerangani, “Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial dengan Non Muslim di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam”, (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016).
- Mansor Mohd. Noor, “Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara”. *DEMOKRASI* 9/2 (2010): 185-207.
- Mohd Anuar Ramli, “Asas Hukum Dalam Budaya: Kajian Terhadap Beberapa Aspek Hubungan Sosial Dalam Kebudayaan Malaysia”. (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2003).
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan dan Syamsul Azizul Marinsah. (2018). “Isu-Isu Sensitif Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan”, dalam Mohd Roslan Mohd Noor (eds.), *Penyelidikan Serantau Islam Dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*, (Kuala Lumpur: APIUM, 2018).
- Mohd Roslan Mohd Nor, “Religious Tolerance in Malaysia: An Overview”, *Middle-East Journal of Scientific Research*, 9/1 (2011): 23-27.

- Muhammad Abi Hamid al-Ghazali, “*Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*”, (Beirut: Dar Qutaybah, 2003).
- Nur Farhana Abdul Rahman, “Pemahaman Konsep Tauhid Asas Keharmonian Kepelbagaian Agama”, *International Journal of Islamic Thought*, 1 (2012), 36.
- Rāghib al-Sirjānī, *Fann al-Ta'āmul al-Nabawī Ma'a Ghayr al-Muslimīn*, (Qahirah: Dār Aqlam, 2010).